

HUBUNGAN ANTARA PENGHAYATAN AGAMA DENGAN KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH SUKAN

Atikah Osman

tikaosman1601@yahoo.com
Kolej Universiti Islam Melaka

Siti Aishah Yahya

Kolej Universiti Islam Melaka

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan mengkaji Hubungan Penghayatan Agama dan Kesejahteraan Psikologi Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka. Agama merupakan faktor yang penting di dalam kehidupan setiap manusia. Penghayatan agama mampu membentuk dan mempertingkatkan nilai insan dengan meraihan segala unsur yang ada padanya dari segi mental, fizikal, emosi dan spiritual. Seramai 50 orang pelajar tingkatan empat terlibat dalam kajian ini. Dua alat ujian telah digunakan iaitu *Inventory Internal Religiosity* untuk mengukur penghayatan agama, manakala alat ujian *Ryff Scales of Psychological Well Being (RPWB)* digunakan bagi mengukur kesejahteraan psikologi pelajar. Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian berbentuk deskriptif dan inferensi melibatkan kajian korelasi. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS (Statistical Packages for Social Sciences) Version 20.0 for windows*. Dapatan Kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan agama dengan kesejahteraan psikologi pelajar, [$r = 0.316 = P < 0.05$]. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan penghayatan agama dan kesejahteraan psikologi berdasarkan jantina.

Kata Kunci: penghayatan agama, kesejahteraan psikologi, pelajar, sukan, jantina

THE RELATIONSHIP BETWEEN PSYCHOLOGICAL WELL-BEING WITH RELIGIOUS APPRECIATION AMONG SPORTS SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the relationship between Religiosity and Psychological Well-Being of Students from Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka. Religion is important factor in human life. Religiosity are able to form and improve the human values by celebrating all the elements that available to it in terms of mental, physical, emotional and spiritual. About 50 students from form four of this school was involved in this this research. The inventory that have been used are Inventory Internal Religiosity (IIR) which is to measure the religiosity while the Ryff Sclaes of Psychological Well-Being (RPWB) is used to measure the Psychological Well-Being of Students. The results of this research showed there is no significant relationship between the relationship between religiosity and psychological well-being of students, [$r = 0.316 = P < 0.05$]. The findings also showed that there is no different of religiosity and psychological well-being based on gender.

Keywords: religiosity, psychological well-being, students, sport, gender

PENGENALAN

Kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah yang penting dalam memberi sumbangan terhadap penyuburan fizikal, mental, emosi dan sosial pelajar. Ia juga telah menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi di Malaysia ketika ini. Aktiviti kokurikulum yang disediakan diharap dapat membekalkan serta memenuhi masa senggang pelajar dengan kegiatan yang lebih bermanfaat dan berfaedah. Namun, ia tidak lengkap dengan menjaga kecergasan dan kesihatan badan sahaja tanpa mengisi pengetahuan serta penghayatan agama di dalam diri pelajar demi menambah makanan rohani kita. Penghayatan Agama yang tinggi amatlah dititik beratkan di dalam diri pelajar, untuk mengelakkan daripada berlakunya perbuatan-perbuatan sumbang yang dimurkai oleh Allah S.W.T serta mendatangkan mudarat kepada diri sendiri juga masyarakat sekeliling.

Pengkaji kurang mendengar kajian mengenai pelajar beraliran sukan dalam memfokuskan soal pendidikan agama dalam diri, kebiasaannya pelajar ini seharusnya lebih fokuskan diri dalam bidangnya iaitu aktiviti kokurikulum.

Oleh itu, tujuan kajian ini adalah ingin meneliti dengan lebih mendalam hubungan Penghayatan Agama daripada pelbagai sudut terhadap Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar sekolah yang beraliran sukan. Hal ini kerana, pengkaji ingin melihat bagaimana pelajar aliran sukan ini mengimbangi aktiviti-aktiviti sukan mereka dengan pendidikan agama dalam diri mereka terutamanya pendidikan asas agama Islam. Menurut Raba (2001), penghayatan agama amat penting dalam kehidupan individu muslim kerana memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan personaliti, memberi ketenangan emosi Hasnan Kassan (2002) menanamkan keyakinan diri manusia Qardhawi (1985) serta menurut Hamka (1997) kebahagiaan hidup. Melihat kepada kepentingan dan peranan Penghayatan Agama dalam membentuk muslim mukmin yang musleh, usaha bagi membangunkan Penghayatan Agama perlu dilaksanakan dan dipergiatkan.

Namun kesihatan yang baik daripada aktiviti kokurikulum tidak menjamin kita memiliki Kesejahteraan Psikologi dalam kehidupan. Kementerian Kesihatan Malaysia 2005 telah mendefinisikan Kesejahteraan Psikologi sebagai ketenangan, merangsang motivasi dan meningkatkan keyakinan diri dalam kehidupan. Menurut Ryff (19:89:1070), individu yang memiliki Kesejahteraan Psikologi positif adalah individu yang mampu menerima dirinya sendiri, mampu membina hubungan positif dengan orang lain, mampu menjadi individu yang mandiri, mampu menguasai lingkungan, memiliki tujuan hidup dan tetap berupaya untuk menjadi individu yang terus hidup.

Hal ini, Penghayatan Agama yang tinggi teramatlah diperlukan dalam menjamin kesejahteraan psikologi yang seimbang terhadap pelajar. Kerana kurangnya pengetahuan agama akan membuat jatuhnya sesuatu generasi itu sendiri. Oleh itu, kesemuanya iaitu penghayatan agama, dan ilmu-ilmu dunia lain perlu di bawa seiring sejalan. Kata lain, jangan hanya membawa dunia tetapi akhirat ditinggalkan jauh kebelakang. Biarlah seiring sejalan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pelajar adalah merupakan asset penting untuk pembangunan negara. Mereka adalah bakal pemimpin masa depan. Golongan belia atau pelajar yang cemerlang dalam pelbagai aspek seperti akademik, kemahiran, sahsiah, dan jati diri amat diperlukan untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan dan pengukuhan ekonomi pada masa kini dan akan datang. Namun dalam era globalisasi ini, pelbagai cabaran khususnya berkaitan dengan masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang membimbangkan. Sebagai salah satu usaha murni untuk pelindung bagi menangani masalah berkaitan dengan remaja amat diperlukan. Justeru itu, pengkaji menyedari bahawa penghayatan agama di peringkat kanak-kanak perlu diberi perhatian utama. Pengetahuan agama yang kukuh mampu menjadi pelindung kepada generasi belia yang berada di peringkat pembesaran dan sedang mencari identiti mereka.

Pelajar yang mempunyai pegangan agama yang tinggi dilihat mampu mengatur kehidupannya dengan lebih tenang, sempurna dan sejahtera. Di samping itu, dalam mempunyai tahap penghayatan agama yang tinggi, secara tidak langsung ia mempengaruhi tahap kesejahteraan psikologi pada diri pelajar.

Menurut Koenig, Kvale dan Ferrel (dalam Papalia dkk, 2002: 419) menunjukkan bahawa individu yang tahap penghayatan agamanya tinggi mempunyai sikap yang lebih baik, lebih merasa puas dalam hidup dan hanya mengalami sedikit rasa kesepian). Oleh kerana itu, Kesejahteraan Psikologi penting untuk dilakukan kerana nilai positif dari kesihatan mental yang ada di dalamnya membuatkan seseorang dapat mengidentifikasi apa yang hilang dalam hidupnya. Hal ini di sokong lagi oleh beberapa penelitian yang menyatakan bahawa Kesejahteraan Psikologi dapat membantu remaja melahirkan emosi positif, merasakan kepuasan hidup dan kebahagiaan, mengurangi kecenderungan mereka untuk berkelakuan negatif, di mana Penghayatan Agama merupakan salah satu faktor yang turut serta memberikan pengaruh terhadap Kesejahteraan Psikologi.

Berdasarkan huraian di atas pengkaji tertarik untuk mengkaji Tentang Hubungan Penghayatan Agama dengan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar aliran sukan. Hal ini kerana jarang sekali kajian seperti ini dijalankan di sekolah aliran sukan semata-mata, kebiasannya ia lebih banyak dijalankan di sekolah-sekolah harian biasa, sekolah aliran agama dan selanjutnya.

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengetahui hubungan antara Penghayatan Agama dengan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka.
2. Mengetahui perbezaan Penghayatan Agama dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka berdasarkan Jantina.
3. Mengetahui perbezaan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka berdasarkan Jantina.

HIPOTESIS KAJIAN

1. Tidak terdapat hubungan antara Penghayatan Agama dengan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka.
2. Tidak terdapat perbezaan Penghayatan Agama dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka berdasarkan Jantina.
3. Tidak terdapat perbezaan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka berdasarkan Jantina.

KAJIAN LEPAS

Menurut satu kajian yang bertajuk 'Pengaruh Faktor PsikoSosial ke Atas Penghayatan Akhlak Agama Islam dalam Kalangan Belia Institusi Pengajian Awam Terpilih Di Malaysia' iaitu kajian oleh Rohana Tan, NorHasni ZainalvAbiddin et al., (2013). Kajian ini memfokuskan kepada pengaruh faktor psikososial melibatkan pendidikan keagamaan oleh ibu bapa, pertautan ibu bapa dan pertautan rakan sebaya terhadap penghayatan akhlak Islam dalam kalangan belia universiti. Hasil kajian menunjukkan proses pendidikan untuk membentuk akhlak Islam berlaku menerusi pemerhatian dan peniruan terhadap tingkah laku ibu bapa seperti yang dijelaskan oleh Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977).

Selain itu, kajian yang dibawa oleh Imron (2013) bertajuk "Pentingnya Agama Bagi Remaja". Menurut (Hurlock) dalam dunia perkembangan, remaja mempunyai erti khusus iaitu masa ini merupakan masa peralihan antara masa kanak-kanak dan masa dewasa. Pada masa ini juga dikatakan sebagai masa bermasalah dan menimbulkan ketakutan. Masa remaja disebut juga untuk menemukan identity diri (*self-identity*). Oleh yang demikian, agama menjadi sangat penting dalam mempengaruhi kehidupan remaja. Di antara kajian yang dilakukan oleh Indrayani Yanuar dengan tajuknya "Hubungan Agama, Kematangan Emosi, dan Kecemasan terhadap masa depan dewasa awal (2010), menggambarkan bahawa Agama memegang peranan yang besar dalam menghadapi masalah, supaya kecemasan tidak berlanjutan. Orang yang mempunyai kematangan emosi dapat mengawal gejala-gejala tersebut sebelum muncul kecemasan pada dirinya. Berdasarkan kajian ini dapat disimpulkan, terdapat hubungan antara Agama, Kematangan Emosi dan Kecemasan terhadap masa depan.

Kajian yang dijalankan oleh Lewis (2002), pula mendapati wujudnya perhubungan yang signifikan antara individu yang mempunyai pengetahuan agama dan kebahagiaan hidup. Selain itu, seseorang yang mempunyai pengetahuan agama yang tinggi juga dilihat mampu mengurus tekanan dan

dapat menangani sesuatu keadaan sukar dalam keadaan yang tenang Kasberger (2002).

Tambahan lagi, kajian oleh Nor Ezdanie Binti Omar (2010), bertajuk ‘Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Pelajar IPTS’ yang mana kajiannya bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di negeri Kelantan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan psikologi responden berada pada tahap sederhana. Manakala hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa pelajar lelaki mencatat skor min yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan dan perbezaan ini adalah signifikan iaitu $t(385) = 2.07, p < .05$. Dapatan kajian ini juga melaporkan bahawa skor min tahap kesejahteraan psikologi pelajar aliran sains lebih tinggi berbanding pelajar aliran sastera dan perbezaan ini juga adalah signifikan $t(385) = 5.02, p < .05$.

Manakala kajian lain pula, oleh Melissa Ludban dan Priscilla N. Gitimu (2015) daripada Youngstown State University bertajuk “*Psychological Well-being of College Students*”. Bertujuan untuk menguji kesejahteraan psikologi terhadap pelajar kolej dan faktor yang memberikan kesan terhadapnya. Penglibatan seramai 131 orang pelajar kolej. Hasil kajian menunjukkan jantina, umur (tradisional dengan tidak tradisional), sokongan dan kesejahteraan kewangan adalah merupakan faktor yang memberi impak kepada kesejahteraan psikologi terhadap pelajar kolej. Pelajar yang mempunyai sokongan yang sedikit dan lebih sedikit berbanding kesejahteraan psikologi, didapati lebih suka melibatkan diri di dalam aktiviti yang negatif seperti pengambilan alkohol, melepak dan kurang tidur atau tidur yang berlebihan Chao (2012).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kuantitatif, yang menggunakan alat pengukuran borang soal selidik untuk mengenalpasti Hubungan Penghayatan Agama dengan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan pelajar aliran sukan. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan set soal selidik yang disediakan untuk mendapatkan maklumat yang sah dan tepat dalam menjalankan kajian ke atas sampel. Kajian ini mempunyai kelebihan iaitu menjimatkan masa dan juga kos kerana data yang diinginkan dapat dikumpulkan dalam jangka masa yang singkat. Data dikumpulkan melalui pendedaran borang soal selidik kepada responden.

Soal selidik ditadbir oleh penyelidik sendiri untuk mendapatkan maklum balas dengan cepat dan lebih diyakini.

Populasi ialah semua ahli dalam kelompok individu yang akan dikaji (Mohd Najib Ghafar, 1999). Manakala menurut Mohd Majid Konting (2004), populasi merujuk kepada satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Populasi melibatkan 50 orang pelajar kolej di kawasan kajian yang bersesuaian dengan tajuk

kajian. Sampel dalam kajian ini adalah pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan kaedah persampelan secara rawak. Oleh itu, sampel kajian yang akan dipilih adalah seramai 44 orang responden di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka.

Teknik pengumpulan data yang akan digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik. Soal selidik adalah kaedah yang paling banyak dan popular digunakan dalam kajian sains sosial. Menurut Mohd Najib Ghafar (1999), menyatakan soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan maklumat yang cepat dan tepat terutamanya dalam fakta-fakta kepercayaan perasaan dan sebagainya.

Penggunaan soal selidik tertutup adalah baik kerana ia tidak memerlukan subjek berfikir atau melahirkan idea-idea baru terhadap sesuatu soalan Kerlinger (1988). Data-data yang diperolehi juga akan disusun secara teratur, jelas dan seterusnya dapatan dianalisis daripada jawapan yang diberikan untuk ditafsirkan dengan lebih berkesan. Soalan soal selidik terbahagi kepada 3 bahagian iaitu, bahagian A (Demografi Responden), bahagian B (*Inventori Internal Religiosity*) dan bahagian C (*Scales of Psychological Well-Being PSBS*)

KEPUTUSAN KAJIAN

KEPUTUSAN INFERENSI

Hipotesis 1: Tidak terdapat hubungan antara Penghayatan Agama dengan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka.

Jadual 1: Pekali Korelasi Pearson bagi hubungan di antara Penghayatan Agama dengan Kesejahteraan Psikologi dalam kalangan pelajar

| Pembolehubah | Kesejahteraan Psikologi |
|----------------------------|-------------------------|
| Hubungan Penghayatan Agama | 0.316* |
| *P<0.05 | |

Berdasarkan jadual, nilai pekali korelasi adalah 0.316($r= 0.316$) yang diuji pada aras keyakinan ($p<.05$). Dengan ini menunjukkan bahawa penghayatan agama mempunyai hubungan yang signifikan dengan tekanan hidup ($r= 0.316$, $p<.05$). Oleh itu, Hipotesis ditolak.

Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan Penghayatan Agama dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka berdasarkan Jantina.

Jadual 2: Ujian-t Penghayatan Agama Penghayatan Agama dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka berdasarkan Jantina.

| Jantina | N | Min | S.P | t | Dk | Sig. (2 tailed) |
|-----------|----|--------|--------|---------|----|-----------------|
| Lelaki | 27 | 250.78 | 14.020 | - 0.695 | 42 | .491 |
| Perempuan | 17 | 254.18 | 18.290 | | | |

Keputusan menunjukkan nilai t ialah - 0.695 ($t = - 0.695$). Didapati darjah kebebasan (dk) ialah 42 dan nilai kebarangkalian ialah .491, yang diuji pada aras keyakinan 0.05. Nilai min yang diperolehi adalah sebanyak 250.78 bagi lelaki dan 254.18 untuk perempuan. Perbandingan skor min bagi Penghayatan Agama antara lelaki dan perempuan adalah sebanyak 3.4 sahaja. Didapati hanya terdapat sedikit perbezaan. Dengan itu, hipotesis yang dibina diterima kerana tidak terdapat perbezaan Penghayatan Agama antara kedua-dua jantina lelaki dan perempuan.

Hipotesis 3: Tidak terdapat perbezaan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka berdasarkan Jantina.

Jadual 3: Ujian-t Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka berdasarkan Jantina.

| Jantina | N | Min | S.P | t | Dk | Sig. (2 tailed) |
|-----------|----|--------|--------|---------|----|-----------------|
| Lelaki | 27 | 164.07 | 14.964 | - 0.488 | 42 | .628 |
| Perempuan | 17 | 166.71 | 20.832 | | | |

Keputusan menunjukkan nilai t adalah - 0.488 ($t = - .0488$). Darjah kebebasan (dk) ialah 42 dan nilai kebarangkalian adalah .628, yang diuji pada aras keyakinan 0.05. Didapati nilai min yang diperolehi adalah sebanyak 164.07 bagi lelaki dan 166.71 untuk perempuan. Perbandingan min bagi Kesejahteraan Psikologi bagi lelaki dan perempuan ialah sebanyak 2.64 sahaja. Dengan itu, hipotesis yang dibina diterima kerana tidak terdapat perbezaan yang ketara bagi Kesejahteraan Psikologi berdasarkan jantina.

PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan setiap hasil kajian yang telah diperolehi. Kesemua dapatan kajian akan dihuraikan.

KEPUTUSAN INFERENSI

Terdapat hubungan antara Penghayatan Agama dengan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka.

Keputusan yang diperoleh menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara penghayatan agama dengan kesejahteraan psikologi dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka. Hal ini kerana, pelajar yang mempunyai pegangan agama yang tinggi dilihat mampu mengatur kehidupannya dengan lebih tenang, sempurna dan sejahtera. Di samping itu, dalam mempunyai tahap penghayatan agama yang tinggi, secara tidak langsung ia mempengaruhi tahap kesejahteraan psikologi pada diri pelajar. Maka pengkaji dapat merumuskan bahawa nilai korelasi yang terhasil dalam hubungan pembolehubah menunjukkan terdapat hubungan antara penghayatan agama dengan kesejahteraan psikologi. Oleh itu hipotesis ini ditolak.

Kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Hazura Binti Abu Bakar (2009), di dalam kajiannya yang bertujuan untuk menentukan hubungan penghayatan agama, nilai hidup dan pengetahuan pelajar muslim dengan sikap dan tingkah laku mereka terhadap alam sekitar, mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi penghayatan agama, nilai hidup dan pengetahuan pelajar berdasarkan jenis sekolah, menentukan pembolehubah-pembolehubah peramal bagi sikap dan tingkah laku pelajar terhadap alam sekitar dan mengenal pasti strategi pengajaran dalam pendidikan alam sekitar di sekolah. Seramai 425 pelajar dan 107 guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Teknik (SMT) yang dipilih di negeri Kedah dan Pulau Pinang sebagai sampel kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan bagi penghayatan agama dengan sikap dan tingkah laku terhadap alam sekitar, nilai hidup dengan sikap dan tingkah laku terhadap alam sekitar.

Tidak terdapat perbezaan Penghayatan Agama dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka berdasarkan Jantina.

Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penghayatan agama berdasarkan jantina. Nilai min di antara lelaki dan perempuan tidak mempunyai perbezaan yang ketara di mana nilai min bagi lelaki adalah sebanyak 250.78. Manakala nilai min untuk perempuan adalah sebanyak 254.18. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan hanya mempunyai sedikit sahaja perbezaan dalam penghayatan agama dalam diri pelajar. Maka hipotesis ini diterima.

Kajian ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Rokiah Binti Abdul Ghani (2007), yang mana kajian yang dijalankan bertujuan untuk melihat tahap amalan solat dan hubungannya dengan akhlak pelajar. Hasil utama kajian ini mendapati bahawa tahap amalan solat dan tahap akhlak pelajar adalah berada pada tahap yang tinggi. Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan solat berdasarkan jantina tetapi terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan solat berdasarkan pencapaian dalam pendidikan Islam untuk SPM. Hasil kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam akhlak pelajar berdasarkan jantina dan pencapaian dalam Pendidikan Islam untuk SPM. Dapatan kajian ini juga mendapati wujud hubungan di antara amalan solat dengan akhlak pelajar-pelajar.

Tidak terdapat perbezaan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka berdasarkan Jantina.

Keputusan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesejahteraan psikologi berdasarkan jantina. Nilai min di antara lelaki dan perempuan tidak mempunyai perbezaan ketara, yang mana min bagi pelajar lelaki adalah sebanyak 164.07. Manakala min untuk pelajar perempuan adalah sebanyak 14.964. Oleh itu, kajian yang diperolehi mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan kesejahteraan psikologi berdasarkan faktor demografi jantina lelaki dan perempuan. Maka hipotesis diterima.

Selain itu, kajian ini juga bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Zuraimah (2005), yang mana di dalam kajiannya bertujuan untuk mengkaji tahap stres dalam kalangan pelajar IPT Malaysia mengikut jantina pelajar. Dimensi stres yang diukur ialah dari segi kekecewaan dan bebanan diri. Dimensi reaksi kepada stres yang diukur ialah fisiologikal, tingkah laku dan penilaian kognitif. Seramai 200 orang pelajar antarabangsa (14 lelaki dan 86 perempuan) dipilih sebagai subjek. Kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan stres mengikut jantina pelajar.

Terdapat juga perbezaan signifikan bagi aspek kekecewaan, bebanan diridan penilaian kognitif mengikut jantina. Namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tingkahlaku dan fisiologi mengikut jantina.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah menerangkan hasil kajian yang telah dijalankan. Terdapat beberapa keputusan yang selari dan bertepatan dengan kajian-kajian lepas. Dapatlah dirumuskan bahawa penghayatan agama mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesejahteraan psikologi pelajar sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka. Hasil ujian hipotesis pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penghayatan agama mengikut jantina pelajar. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesejahteraan psikologi mengikut jantina pelajar.

Melalui kajian ini, didapati betapa pentingnya penghayatan agama dalam membentuk kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka.

Secara keseluruhan, pengkaji berharap kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha meningkatkan pengetahuan agama yang mendalam dalam diri seseorang pelajar itu, bagi menjamin nilai kesejahteraan psikologi yang tinggi dalam diri mereka.

BIODATA PENULIS

Atikah Osman adalah pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka.

Siti Aishah Yahya adalah pensyarah di Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka.

BIBLIOGRAFI

- Adibah Binti Mat Jusoh. (2008). *Faktor Pendorong Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Islam Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Abdulaziz Aflakseir. (2012). *Religiosity, Personal Meaning, and Psychological Well-Being: A Study among Muslim Students in England*. University of Shiraz, Iran. *Pakistan Journal of Social and Clinical Psychology* 2012, Vol. 10, No. 1, 27-31.
- Arndt Büssing & Harold G. Koenig. (2010). *Spiritual Needs of Patients with Chronic Diseases*. *Religions* 2010, 1, 18-27; Doi:10.3390/Rel1010018.
- Balan Rathakrishnan & Rosnah Ismail. (2009). *Sumber Stres, Strategi Daya Tindak Dan Stres Yang Dialami Pelajar University*. Universiti Malaysia Sabah. *Jurnal Kemanusiaan* bil.13, Jun 2009.
- Bunayya Nur Amna. (2015). *Hubungan Tingkat Agama dengan Kesejahteraan Psikologi Siswa Smk Muhammadiyah 2 Malang*. Fakulti Psikologi, UIN Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Hazura Binti Ab Bakar. (2009). *Hubungan Antara Penghayatan Agama, Nilai Hidup dan Pengetahuan Alam Sekitar Pelajar Muslim Dengan Sikap Dan Tingkah Laku*. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia.
- Iredho Fani Reza. (2013). *Hubungan Antara Religiusitas dengan Moralitas pada Remaja di Madrasah Aliyah (Ma)*. UIN Syarif Hidayatullah Jakarta. *Humanitas*, Vol. X No.2 Agustus 2013.
- Imron. (2013). *Pentingnya Religiusitas Bagi Remaja*. *Www.Distrodoc.Com*.
- Jeannie A. Perez. (2012). *Gender Difference in Psychological Well-Being among Filipino College Student Samples*. *International Journal of Humanities and Social Science*. Vol. 2 No. 13; July 2012.
- Khadijah Alavi, Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Salina Nen & Norulhuda Sarnon. (2013). *Tahap Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Banduan Parol: Ke Arah Pembentukan Akhlak Sejahtera*. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Vol. 8, No. 2 (2013) 001-010.
- Lintang Seira Putri. (2013). *Hubungan Antara Religiusitas Dengan Kesejahteraan Psikologis Pada Lansia Muslim*. Fakultas Psikologi Universitas Muhammadiyah Surakarta. Naskah Publikasi.
- Mohamad Zanisahli Azizi Bin Md Khalid. (2011). *Sosialisasi Agama Dalam Mempengaruhi Tingkahlaku Disiplin Pelajar Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia.